



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGETAHUAN LOKAL TENTANG ALAM SEKITAR DALAM PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN**

DONNEY FRED DESMOND



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA KADAZANDUSUN)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan lokal tentang alam sekitar dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Kadazandusun (BKD). Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti perbezaan antara tahap pengetahuan lokal dalam kalangan guru BKD berdasarkan umur, pengalaman mengajar dan pengkhususan. Seterusnya, untuk mengenal pasti hubungan antara pengetahuan lokal guru BKD dengan kemahiran berbahasa BKD dan menganalisis faktor pengetahuan lokal yang mempengaruhi strategi PdP guru BKD. Kajian ini melibatkan 30 orang guru BKD di sekolah menengah di dua daerah iaitu Tambunan dan Keningau Sabah. Reka bentuk kajian kuantitatif digunakan iaitu jenis tinjauan dan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dianalisis secara deskriptif berdasarkan pembolehubah-pembolehubah kajian. Dapatan kajian menjelaskan perbezaan tahap pengetahuan lokal guru BKD berdasarkan umur, guru berumur 50 tahun ke atas ($\text{min} = 3.93$, $\text{SP} = .05$) menunjukkan tahap pengetahuan lokal mereka lebih tinggi berbanding dengan guru BKD berumur 50 tahun kebawah. Sementara tahap pengetahuan lokal guru BKD berdasarkan pengalaman mengajar menunjukkan, guru BKD yang mengajar lebih daripada lapan tahun ($\text{min} = 3.85$, $\text{SP} = .10$) mempunyai pengetahuan lokal yang tinggi berbanding dengan guru BKD yang mempunyai pengalaman mengajar lapan tahun kebawah. Seterusnya, perbezaan pengetahuan lokal dalam kalangan guru BKD berdasarkan pengkhususan menunjukkan guru BKD pengkhususan Bahasa Melayu ($\text{min} = 3.84$, $\text{SP} = .09$) mempunyai tahap pengetahuan lokal yang lebih tinggi berbanding dengan guru BKD pengkhususan subjek lain. Manakala analisis kolerasi pearson menunjukkan wujudnya hubungan positif yang sederhana dan signifikan antara hubungan tahap pengetahuan lokal guru ($r = .524^{**}$, $p = .003$) dengan kemahiran berbahasa BKD. Sementara, keputusan analisis regresi pelbagai menunjukkan pengetahuan lokal guru BKD dengan kemahiran berbahasa BKD menyumbang sebanyak 36.3% varians ($R^2 = .363$) terhadap strategi PdP BKD. Kesimpulannya, kajian ini mendapati pengetahuan lokal tentang alam sekitar mempengaruhi PdP BKD berdasarkan umur, pengalaman mengajar dan pengkhususan. Implikasi kajian, menunjukkan PdP BKD berdasarkan pengetahuan lokal tentang alam sekitar perlu dikuasai oleh guru-guru BKD dan seterusnya dijadikan bahan rujukan kepada pihak berkaitan.





LOCAL KNOWLEDGE ON THE ENVIRONMENT IN TEACHING AND LEARNING OF KADAZANDUSUN LANGUAGE

ABSTRACT

This research aims to investigate the local knowledge of the environment in the learning and teaching of the Kadazandusun language (BKD). The objectives of this study are to identify differences in the level of local knowledge among BKD teachers based on their age, years of teaching experience and specialisation. Next, it is to discover the relationship between the BKD teachers' local knowledge and BKD language skills as well as analysing the factors of the local knowledge that influence the BKD teachers' PdP strategy. This research involved 30 secondary school BKD teachers from two districts which are Tambunan and Keninagu Sabah. A quantitative research design is used in this study was a survey and questionnaire as research instruments. The data were analysed using descriptive statistics based on research variables. The findings reveal the difference of BKD teachers' knowledge level is related to age, where teachers aged 50 years and above (min = 3.93, SP = .06) show their level of local knowledge is higher than the BKD teachers aged 50 years and below. Meanwhile, the level of BKD teachers' local knowledge based on teaching experience shows that BKD teachers who have been teaching for more than eight years (min = 3.85, SP = .10) possess a higher level of local knowledge compared to BKD teachers who have eight years of teaching experience and below. Next, the difference in the level of local knowledge among BKD teachers based on their specialisation shows that BKD teachers with specialisation in Malay language (min = 3.84, SP = .09) have a higher level of local knowledge compared to BKD teachers from other specialisations. Meanwhile, the Pearson correlation analysis shows a moderate and significant positive relationship between the level of teachers' local knowledge ($r = .524^{**}$, $p = .003$) with BKD language skills. The multiple regression analysis reveals that the BKD teachers' local knowledge with BKD language skills contributed 36.3% variance ($R^2 = .363$) towards PdP strategy for BKD. In a nutshell, this study found that the local knowledge on the environment affects the PdP for BKD based on age, years of teaching experience and specialisation. The implication of this study shows that PdP for BKD on the local knowledge of the environment needs to be mastered by BKD teachers and subsequently become a material reference to related parties.





KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
 BAB 1 PENDAHULUAN	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	10
1.4 Tujuan Kajian	14
1.5 Objektif Kajian	15
1.6 Soalan Kajian	17
1.7 Hipotesis Kajian	18
1.8 Kepentingan Kajian	19





1.9 Kerangka Konseptual Kajian	21
1.10 Batasan Kajian	21
1.11 Definisi Operasional	22
1.11.1 Pengetahuan Lokal	23
1.11.2 Alam Sekitar	24
1.11.3 Pengajaran	24
1.11.4 Pembelajaran	26
1.11.5 Bahasa Kadazandusun	27
1.12 Rumusan	28

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR 29

2.1 Pengenalan	29
----------------	----



2.2 Teori Kajian	30
2.2.1 Teori Budaya Harris M. (1964)	31
2.2.2 Teori Pengajaran dan Pembelajaran Koseptual Hull D. (1995)	33
2.3 Kajian Pengetahuan Lokal Tentang Alam Sekitar	37
2.3.1 Kajian Pengetahuan Lokal Tentang Alam Sekitar Dalam Negara	39
2.3.2 Kajian Pengetahuan Lokal Tentang Alam Sekitar Luar Negara	50
2.4 Kajian Tentang Pengajaran dan Pembelajaran	58
2.4.1 Kajian Tentang Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Negara	60
2.4.2 Kajian Tentang Pengajaran dan Pembelajaran Luar Negara	79
2.6 Rumusan	89





BAB 3 METODOLOGI	91
3.1 Pengenalan	91
3.2 Reka Bentuk Kajian	92
3.3 Populasi dan Persampelan	95
3.4 Kaedah Kajian	98
3.5 Instrumen Kajian	99
3.5.1 Bahagian A: Ciri-ciri Demografi Responden	102
3.5.2 Bahagian B: Pengetahuan Lokal dan Amalan dalam Kalangan Guru BKD	103
3.5.3 Bahagian C: Hubungan Antara Pengetahuan Lokal Guru Dengan Kemahiran Berbahasa BKD	104
3.5.4 Bahagian D: Pengetahuan Lokal Mempengaruhi Strategi PdP Guru BKD	105
3.6 Kesahan Instrumen Kajian	106
3.7 Kajian Rintis	106
3.8 Prosedur Pengumpulan Data	109
3.9 Analisis Data	110
3.9.1 One-Way ANOVA (ANOVA Satu Hala)	112
3.9.2 Analisis Korelasi	113
3.9.3 Analisis Regrasi	114
3.10 Rumusan	115





BAB 4 DAPATAN KAJIAN	116
4.1 Pengenalan	116
4.2 Keputusan Soal Selidik	117
4.3 Analisis Responden	117
4.3.1 Umur	118
4.3.2 Pengalaman Mengajar	119
4.3.3 Pengkhususan	120
4.4 Analisis Data	121
4.4.1 Analisis Data Maklum Balas Responden Bagi Tahap Pengetahuan Lokal Dalam Kalangan Guru BKD	121
4.4.2 Analisis Data Maklum Balas Responden Bagi Kemahiran Berbahasa Bahasa Kadazandusun	124
4.4.3 Analisis Data Maklum Balas Bagi Strategi PdP Guru Bahasa Kadazandusun	126
4.5 Dapatan Kajian Perbezaan Tahap Pengetahuan Lokal dalam Kalangan Guru BKD	128
4.5.1 Perbezaan Tahap Pengetahuan Lokal Berdasarkan Umur dalam Kalangan Guru BKD	128
4.5.2 Perbezaan Tahap Pengetahuan Lokal Berdasarkan Pengalaman Mengajar dalam Kalangan Guru BKD	132
4.5.3 Perbezaan Tahap Pengetahuan Lokal Berdasarkan Pengkhususan dalam Kalangan Guru BKD	133
4.6 Dapatan Kajian Hubungan Antara Pengetahuan Lokal Guru dengan Pengajaran dan pembelajaran BKD	135
4.7 Dapatan Kajian Faktor Pengetahuan Lokal Guru Mempengaruhi Strategi PdP BKD	137
4.8 Rumusan	138





BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	141
5.1 Pengenalan	141
5.2 Ringkasan Kajian	142
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	143
5.3.1 Perbezaan Antara Tahap Pengetahuan Lokal dan Umur dalam Kalangan Guru BKD	144
5.3.2 Perbezaan Antara Tahap Pengetahuan Lokal dan Pengalaman Mengajar dalam Kalangan Guru BKD	146
5.3.3 Perbezaan Antara Tahap Pengetahuan Lokal dan Pengkhususan dalam Kalangan Guru BKD	149
5.3.4 Hubungan Antara Pengetahuan Lokal Guru dengan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun	151
5.3.5 Faktor Pengetahuan Lokal Guru Mempengaruhi Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun	155
5.4 Implikasi Kajian	161
5.4.1 Guru	163
5.4.2 Murid	164
5.4.3 Pengubal Kurikulum	165
5.4.4 Sekolah	165
5.4.5 Institusi Pendidikan Guru (IPTA, IPG, IPTS)	166
5.5 Sumbangan	167
5.6 Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	169
5.7 Kesimpulan	171





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xii

RUJUKAN

173

LAMPIRAN

186



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Nilai-nilai Murni Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan Tahun 1996	76
3.1	Menunjukkan Populasi Dan Bilangan Guru Di Sekolah Yang Terlibat	94
3.2	Pengiraan Saiz Sample Oleh Krejcie & Morgan (1970)	95
3.3	Item dan Jumlah Item Setiap Bahagian	98
3.4	Item Tentang Ciri-ciri Demografi Responden	99
3.5	Jumlah Item dan Skala Likert Tahap Pengetahuan Lokal Guru BKD	100
3.6	Jumlah Item dan Skala Likert Kemahiran Berbahasa BKD	101
3.7	Jumlah Item dan Skala Likert Strategi PdP Guru BKD	102
3.8	Pemilihan Sampel Kajian Rintis	104
3.9	Nilai Alpha Cronbach dan Tahap Kebolehpercayaan	104
3.10	Ketekalan Ujian <i>Alpha Cronbach</i>	105
3.11	Prosedur Pengumpulan Data	106
3.12	Skala dan Tahap Penilaian	107
3.13	Nilai Pekali (<i>r</i>) Menunjukkan Kekuatan Hubungan Dua Pembolehubah	110





4.1	Taburan Responden Mengikut Umur	114
4.2	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	116
4.3	Taburan Responden Mengikut Pengkhususan	117
4.4	Tahap Analisis Min dan Skala Tafsir	118
4.5	Skor Maklum Balas Responden Terhadap Tahap Pengetahuan Lokal	119
4.6	Skor Maklum Balas Responden Terhadap Kemahiran Berbahasa BKD	121
4.7	Skor Maklum Balas Responden Terhadap Strategi PdP Guru BKD	123
4.8	Min Tahap Pegetahuan Lokal Berdasarkan Umur dalam Kalangan Guru BKD	125
4.9	ANOVA Tahap Pegetahuan Lokal Berdasarkan Umur dalam Kalangan Guru BKD	126
4.10	Perbandingan Pelbagai Tukey HSD Tahap Pengetahuan Lokal Berdasarkan Umur dalam Kalangan Guru BKD	127
4.11	Min Tahap Pegetahuan Lokal Berdasarkan Pengalaman Mengajar dalam Kalangan Guru BKD	128
4.12	ANOVA Tahap Pegetahuan Lokal Berdasarkan Pengalaman Mengajar dalam Kalangan Guru BKD	129
4.13	Min Tahap Pegetahuan Lokal Berdasarkan Pengkhususan dalam Kalangan Guru BKD	130
4.14	ANOVA Tahap Pegetahuan Lokal Berdasarkan Pengkhususan dalam Kalangan Guru BKD	131
4.15	Hubungan Antara Tahap Pengetahuan Lokal Guru dengan Pengajaran dan Pembelajaran BKD	132
4.16	Faktor Pengetahuan Lokal Guru Yang Mempengaruhi Strategi PdP BKD	134
4.17	Ringkasan Hasil Dapatan Kajian Pengetahuan Lokal Tentang Alam Sekitar Meningkatkan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun	136





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	20
3.1	Kerangka Pembolehkan Kajian	91





SENARAI SINGKATAN

BKD	Bahasa Kadazandusun
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiraan
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
ICT	Information and Communications Technology
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPG	Institusi Perguruan
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
LCD	Liquid-crystal Display
MCV	Monsopiad Culture Village
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SM. ST.	Sekolah Menengah Saint
SPSS	Statistical Package for Social Science





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Senarai Semak Penggunaan Pengetahuan Lokal Dan Amalan Dalam Soal Selidik
- C Senarai Semak Penggunaan Standard Pembelajaran Kemahiran Bahasa Kadazandusun Dalam Soal Selidik
- D Senarai Semak Penggunaan Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Soal Selidik
- E Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada KPM
- F Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
- G Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Pejabat Pendidikan Daerah Tambunan
- H Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Pejabat Pendidikan Daerah Keningau
- I Data Analisis Yang Dicitak Daripada SPSS 23





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Pengetahuan lokal memiliki hubungan yang erat dengan kebudayaan tradisional sesebuah masyarakat. Menurut Ulfah Fajarini (2014), etika dan nilai moral yang terdapat dalam pengetahuan lokal diajarkan secara turun-temurun, diwariskan dari generasi ke generasi melalui lisan dan diamalkan dalam kehidupan seharian serta dijadikan sebagai pedoman hidup dalam sesebuah kelompok masyarakat.





Suatu ketika dahulu pengetahuan lokal dalam kegiatan pertanian merupakan salah satu sumber maklumat dan berperanaan sebagai petunjuk dalam kehidupan masyarakat dunia. Pengetahuan lokal dalam pertanian secara etimologi boleh diertikan sebagai kemampuan seseorang dalam menggunakan akal fikirannya untuk menilai atau mentafsir sesuatu kejadian, objek dan situasi. Pengetahuan lokal ini juga menunjukkan ruang interaksi di mana peristiwa atau situasi tersebut terjadi. Selain daripada itu, pengetahuan lokal merupakan perilaku positif manusia dalam berhubungan dengan alam dan sekelilingnya (Respati Wikantiyoso & Pindo Tutuko, 2009).

Oleh sebab itu, kajian ini akan melihat pengetahuan lokal guru Bahasa



Kadazandusun (BKD) tentang alam sekitar dari pelbagai aspek seperti hubungan manusia dengan pencipta, manusia dengan alam sekitar dan manusia dengan alam ghaib dalam kegiatan pertanian seperti penanaman padi, sayur-sayuran, penanaman kelapa sawit dan lain-lain sebagai tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Menurut Minah Sintian (2013), masyarakat Kadazandusun di Sabah percaya bahawa sesuatu yang terjadi contohnya bencana alam, penyakit dan ketidaksuburan tanaman mempunyai kaitan dengan kuasa *supernatural* yang akan terjadi sekiranya penduduk kawasan berkenaan tidak mematuhi larangan-larangan dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh *Kinorohingan* (Tuhan) mereka. Kepercayaan ini telah lama wujud dalam masyarakat Kadazandusun sejak dari zaman dahulu lagi. Oleh yang demikian, dengan pengetahuan lokal yang dimiliki oleh guru-guru BKD dapat membantu mereka melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka dengan mudah.





1.2 Latar Belakang Kajian

Sejarah kemunculan masyarakat Kadazandusun di Sabah dapat dilihat daripada pelbagai teori oleh ahli-ahli sejarahwan. Menurut Owen Rutter (1922), kebanyakan suku kaum yang datang ke Sabah pada ketika dahulu datang dari pelbagai tempat lain di Asia Tenggara. Rutter menambah bahawa masyarakat Kadazandusun berasal daripada rumpun Mongoloid yang tiba di Borneo atau Brunei dari Indo-China melalui Filipina atau datang terus dari tanah besar Asia. Menurut Dayu Sansalu (2008), manusia moden yang pertama datang ke tanah Borneo ialah Negrito daripada kumpulan Polynesia. Hal ini turut disokong oleh Thomas Rhys William (1965), Negrito adalah kumpulan yang datang ke Borneo dari Selatan China lalu berhijrah ke Asia Tenggara dan pulau-pulau berdekatan termasuk Borneo kira-kira 15 000 hingga



20 000 tahun dahulu.

Masyarakat Kadazandusun banyak menetap di kawasan berbukit seperti di Keningau, Tambunan, Ranau, Tamparuli dan juga tinggal di kawasan tanah pamah seperti di Penampang, Tuaran, Papar dan Kota Belud. Menurut Williams dan Burrough dalam Dayu Sansalu (2008), masyarakat Kadazandusun menjalankan kegiatan pertanian seperti menanam padi sawah dan padi huma serta menanam seperti ubi kayu, buah-buahan, dan tembakau berdekatan dengan tempat tinggal mereka.





Revolusi dan perkembangan tersebut telah melahirkan pengetahuan lokal dalam kalangan masyarakat Kadazandusun dalam pelbagai aspek kehidupan untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka di Sabah sejak dari permulaan kedatangan mereka sehinggalah pada masa kini yang merangkumi keseluruhan aspek kehidupan sama ada bahasa, sosial, ekonomi, pertanian dan sebagainya. Oleh sebab itu, masyarakat Kadazandusun di Sabah mempunyai pengetahuan lokal yang sama dan diamalkan sejak sekian lama.

Sehubungan itu, kajian ini akan berlandaskan kepada pengetahuan lokal masyarakat Kadazandusun tentang alam sekitar terutamanya dalam kegiatan pertanian sebagai pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Menurut Minah (2013), masyarakat Kadazandusun ini percaya bahawa kepercayaan, nilai, dan ritual yang tertanam dalam budaya masa silam, berupaya menyatukan masyarakat Kadazandusun untuk hidup secara kolektif dalam mempertahankan pemeliharaan dan pemuliharaan alam agar bebas daripada segala malapetaka. Kenyataan ini turut disokong oleh Hasssan Shadily (1993), sosiologi ilmu masyarakat atau ilmu kemasyarakatan yang dipelajari manusia sebagai anggota masyarakat (tidak sebagai individu yang lari dari kemasyarakatan), dengan ikatan-ikatan adat, kebiasaan, kepercayaan dan agamanya, tingkah laku serta keseniannya atau yang disebut sebagai kebudayaan yang meliputi semua aspek kehidupannya dapat membantu dalam pembentukan masyarakat yang lebih baik.





Menurut Krech, Richard dan Ballachey (1963), masyarakat adalah sekumpulan manusia yang berorganisasi dan berinteraksi yang mana kegiatannya berpusat pada tujuan bersama, dan cenderung untuk berkongsi mengenai kepercayaan, sikap dan tindakan. Pada konsep ini, masyarakat Kadazandusun dicirikan sebagai kumpulan yang berorganisasi, sudah lama wujud, memiliki sistem sosial dan memiliki kepercayaan, sikap, dan perilaku yang sama. Menurut Paul B. Horton dan C. Hunt (1968), *“a society is a relatively independent, self-perpetuating human group who occupy territory, share a culture, and have most their association within this group.”* Paul B. Horton dan C. Hunt mengatakan bahawa masyarakat itu merupakan kelompok manusia, memiliki kebebasan dan bersifat kekal, menetap di suatu kawasan dan memiliki kebudayaan serta terjalin suatu hubungan di antara anggota-anggotanya.



Sementara itu, Suraya Sintang (2003), mendakwa bahawa masyarakat Kadazandusun mengamalkan kepercayaan animisme. Kehidupan awal masyarakat Kadazandusun banyak dipengaruhi oleh kepercayaan animisme dan mengakui kewujudan Tuhan yang bernama *kinorohingan*. Tuhan yang mereka percaya ini mempunyai kuasa mencipta manusia. *Kinorohingan* juga mempunyai pelbagai nama yang berbeza mengikut etnik dan tempat sesuatu suku kaum Kadazandusun itu berada. Menurut Norjietta Julita (2014), hubungan manusia dengan alam amat berkait rapat dalam bidang pertanian, penternakan, tumbuh-tumbuhan, peralatan dan sebagainya. Oleh sebab itu, masyarakat Kadazandusun mempercayai bahawa setiap benda yang diberi nama perkataan tertentu mempunyai semangat atau roh yang dapat membantu mereka dalam perubatan, pertanian, penternakan dan sebagainya.





Kebudayaan merupakan salah satu unsur yang penting dalam perkembangan sesebuah bangsa sama ada untuk kelanjutan hidupnya, keperibadiannya, dan pembangunan bangsa tersebut (Rowland B. F. Pasaribu, 2013). Pengetahuan lokal juga tergolong dalam kebudayaan sesuatu masyarakat dan pengetahuan lokal ini banyak memberi kebaikan kepada masyarakat pengamalnya sama ada sebagai pembangunan bangsa, kesejahteraan kehidupan ataupun perkembangan peribadi. Oleh sebab itu, salah satu budaya masyarakat Kadazandusun yang berkaitan dengan pengetahuan lokal tentang alam sekitar melalui kegiatan pertanian adalah, masyarakat Kadazandusun akan merayakan hari pesta menuai ataupun lebih dikenali sebagai *tadau kaamatan*. Pesta *kaamatan* ini diraikan setiap bulan Mei pada setiap tahun selepas selesainya menuai padi sama ada padi huma ataupun padi sawah. Tujuan pesta ini diraikan oleh masyarakat Kadazandusun adalah untuk *mongunsikou* ataupun mengungkapkan syukur dan berterima kasih kepada Tuhan mereka yang dipanggil sebagai *Kinorohingan* kerana telah memberikan mereka rezeki selain melindungi tanaman mereka daripada malapetaka.

Menurut Zawawi Ibrahim (2001), maksud sebenar *kamatan* adalah satu proses menjelaskan aktiviti-aktiviti penanaman padi (kegiatan pertanian) yang bermula daripada tapak semaian sehinggalah selesai dituai dan disimpan ke dalam *tangkob* atau tempat letak padi. Menurut Zawawi semasa aktiviti-aktiviti tersebut dijalankan terdapat beberapa upacara yang harus dilaksanakan oleh pihak *bobolian* atau bomoh sepanjang pengusahaan tanaman padi. Akhir sekali setelah padi yang dituai itu dimasukkan ke dalam *tangkob* beberapa orang *bobolian* akan menjalankan upacara *magawau*. Upacara ini bertujuan untuk memanggil semangat padi untuk pulang ke





tangkob bersama-sama dengan hasil tuaian dan semangat padi itu dipanggil sebagai *bambarayon*.

Selain itu, tujuan pesta ini diraikan sebagai tanda memperingati kematian seorang *sumandak* ataupun anak gadis yang dipanggil *huminodun* yang sanggup dikorbankan untuk menolong masyarakat Kadazandusun yang pada masa itu dilanda malapetaka seperti kebuluran, penyakit, kerosakan tanam-tanaman seperti padi, sayur-sayuran, dan sebagainya. Pada masa kini, cara masyarakat Kadazandusun untuk memperingati *huminodun* dalam pesta *kaamatan* melalui pertandingan *unduk ngadau* ataupun dikenali sebagai *ratu cantik*.



Tarian merupakan salah satu kebudayaan yang ada pada mana-mana kaum di dunia ini. Tarian melambangkan identiti bangsa tersebut. Oleh itu, masyarakat Kadazandusun turut mempunyai tarian tradisi tersendiri yang dikenali sebagai *sumazau*. Tarian ini mempunyai pelbagai fungsi sama ada sebagai ritual untuk memenuhi pelbagai aktiviti berkaitan dengan kegiatan menanam dan menuai padi serta menjauhi bala, menyembah semangat (semangat padi), mengubati penyakit dan mengungkapkan syukur sama ada kepada *kinorohingan* (tuhan) mahu pun kepada kesejahteraan alam sekitar.

“Sumazau represents the most celebrated dance among the ethnic minorities of Sabah, with variations according to communities and regions. Performed in relation to animistic rituals associated with the spiritual realm mediated by the bobohizan (female shaman), Sumazau celebrates a good harvest, in honoring the padi (rice) spirit, in ushering the blooming of padi shoots, or as a blessing when moving house. The dance sequence comprises two rows of men and women facing one another where they execute slow rhythmic





movements, their arms outstretched and gestured (imitating flights of birds) are they bounce on the ball of one foot with the other lifted off the floor, and where all limbs move with music from the pulsating gong beats.” (Ooi Keat Gin, 2009, ms. 303)

Tarian ini biasanya ditari semasa *tadau kaamatan*, menjalankan upacara ritual dalam pertanian, majlis perkahwinan dan lain-lain.

Dalam kajian ini, pengkaji mengambil kira beberapa pengetahuan lokal tentang alam sekitar dalam pertanian yang dijadikan sebagai kaedah dan ritual seperti (*gawoi, patod, momorilik, managad, monutud, mogulat, mogurak, momojuk do rintod, tomondok do mananom, momojuk do parai, mansalud, momondok do parai, dumampal*) dan lain-lain semasa menjalankan aktiviti pertanian oleh masyarakat Kadazandusun seperti membuka tanah, menanam dan menjaga padi, serta memelihara alam sekitar. Menurut Minah Sintian (2013), kepercayaan dan amalan masyarakat Kadazandusun dalam memelihara alam sekitar melalui pertanian jelas dapat dilihat berdasarkan kepada cara mereka percaya kewujudan semangat dan makhluk halus baik dan jahat yang turut menghuni bumi ini agar perlu dihormati oleh setiap lapisan masyarakat Kadazandusun agar tidak mendatangkan masalah kepada mereka.

Selain daripada itu, kajian ini di fokuskan kepada pengetahuan lokal dalam kalangan guru Bahasa Kadazandusun (BKD) yang bertujuan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) BKD. Dengan pengetahuan lokal yang ada pada guru-guru BKD dapat membantu mereka untuk menjalankan PdP mereka dengan baik dan mudah difahami oleh pelajar sekolah. Hal ini kerana, sekolah juga merupakan salah satu tempat yang boleh digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada





pelajar berkaitan alam sekitar melalui PdP dan guru-guru pula merupakan saluran untuk menyampaikan maklumat-maklumat tersebut.

Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini juga pengkaji ingin melihat perbezaan tahap pengetahuan lokal dalam kalangan guru-guru BKD. Bagi melihat perbezaan tahap pengetahuan lokal mereka, pengkaji akan melihat berdasarkan beberapa ciri demografi antaranya, umur, opsyen mata pelajaran yang diajar dan juga pengalaman mengajar mereka. Dengan itu, pengkaji dapat membezakan tahap pengetahuan lokal dalam kalangan guru-guru berkenaan. Dalam kajian yang dijalankan oleh Magdeline Anak Nor dan Zamri Mahamod (2014), guru-guru yang berpengalaman lebih memahami ciri murid mereka dalam setiap pengajaran dan guru-guru ini telah merancang pengajaran yang berkesan sesuai dengan ciri murid tersebut. Manakala guru-guru baharu pula kurang ataupun sukar untuk memahami ciri-ciri murid mereka. Sementara, menurut Abd. Shukor Shaari dan Noran Fauziah Yaakub (2016), terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pengetahuan guru mengikut umur dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Selain daripada itu, kajian ini turut menekankan isu berhubung strategi dalam meningkatkan PdP BKD. Kemahiran berbahasa selaras dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Kadazandusun Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiraan (DSKP) serta strategi PdP daripada guru-guru BKD dijadikan sebagai asas dalam kajian ini sesuai untuk menerapkan pengetahuan lokal tersebut dalam PdP dengan mengambil kira keperluan murid. Dalam DSKP (2016), kemahiran berbahasa diteraskan dalam KSSM kepada empat bahagian iaitu, kemahiran





mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Menurut Ee Ah Meng (1989), strategi dalam PdP amat penting dalam memulakan pengajarannya dengan memberikan contoh yang khusus dan pada akhir pelajarannya, murid-murid akan memperolehi sesuatu daripada pelajaran mereka pada hari tersebut dan murid-murid juga dapat merumuskan pelajaran mereka dengan baik.

Oleh sebab itu, pengetahuan lokal guru-guru BKD boleh diterapkan dalam PdP BKD dengan menghubungkan kedua-dua bidang tersebut secara bersama. Menurut Hull D. (1995), sesuatu proses pengajaran guru yang mengaitkan ilmu yang mereka pelajari daripada pengalaman seharian, masyarakat dan dunia pekerjaan mereka dapat dikembangkan sekiranya pemikiran dan pengalaman guru tersebut dikongsikan dalam PdP dan seterusnya akan memberikan manfaat serta memudahkan kefahaman murid. Hal ini disebabkan, PdP bermakna melibatkan murid, pengajar dan bahan pengajaran. Selain itu, pengajaran dan pembelajaran yang menghubungkan isi pelajaran dengan dunia sebenar, merupakan proses interaksi yang berkesan.

1.3 Penyataan Masalah

Terdapat beberapa masalah utama yang dijadikan sebagai landasan menjalankan kajian ini. Masalah yang pertama ialah, PdP kurang menarik kerana guru-guru kurang menguasai kandungan pelajaran khususnya berkaitan dengan budaya masyarakat

